

**SIDANG KE-4 PAKAR MABBIM, 1990**  
**(Brunei Darussalam: Bandar Seri Begawan, 3-7 September)**

**Keputusan tentang PERISTILAHAN**

**Biologi**

(i) **Cara Kerja**

- a. Membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam laporan kelompok Biologi Sidang Ke-29 MABBIM.
- b. Membincangkan dan seterusnya mengemaskinikan padanan istilah Biologi 7: Alat dan Peralatan Biologi dan Biologi 8: Fitopatologi.
- c. Menyemak kembali Biologi 9A: Entomologi dan Biologi 9B: Entomologi (tambahan Brunei Darussalam) dan seterusnya memberikan padanan istilah-istilah yang masih tertinggal di samping mengemaskinikan lagi padanan yang telah diberikan sebelumnya. Juga telah dipersetujui supaya Negara Brunei Darussalam akan menyatukan kedua-dua padanan ini untuk menjadi satu sahaja iaitu Biologi 9: Entomologi.
- d. Membincangkan entri Biologi 11: Biofizik.
- e. Membincangkan tatakkerja untuk menyediakan entri Biologi 10: Biometrik.

(ii) **Hasil Kerja**

- a. *Biologi 7: Alat dan Peralatan Biologi (Padanan siap)*  
Disepakati penambahan istilah/padanan sebanyak 1418 yang telah dikemaskinikan disarankan untuk disahkan dalam Sidang Ke-30 MABBIM. Disarankan judul Biologi 7 diubah kepada Biologi 7: Bahan, Kaedah dan Peralatan Biologi.
- b. *Biologi 8: Fitopatologi (Padanan siap)*  
Setelah meneliti semula padanan yang telah disahkan dalam Sidang Ke-29 MABBIM, telah dipersetujui untuk menukar kategori:

A	:	26
dari A ke B	:	3
dari C ke B	:	2
tanggung	:	10

Disarankan untuk disahkan penukaran tersebut dalam Sidang Ke-30 MABBIM.

- c. *Biologi 9: Entomologi (Padanan siap)*  
Hasil daripada penyatuan Biologi 9A (yang telah disahkan dalam Sidang Ke-29 MABBIM) dan 9B, Biologi 9 telah mempunyai sejumlah 1783 entri yang telah diberikan padanan oleh ketiga-tiga buah negara. Disarankan agar perubahan dan tambahan tersebut disahkan dalam Sidang Ke-30 MABBIM.

- d. *Biologi 10: Biometrik*  
Telah dipersetujui oleh ketiga-tiga negara untuk membawa balik semula entri yang telah disediakan untuk dicantas bagi menentukan yang benar-benar berseesuaian dengan bidang yang digarap. Entri-entri tersebut adalah bagi perediaan kamus yang direncanakan.
- e. *Biologi 11: Biofizik (Entri)*  
Pada peringkat awal Brunei Darussalam telah menyaring entri yang disediakan oleh Negara Indonesia berjumlah 782 sehingga tinggal 646 entri. Setelah merujuk silang dengan entri yang disediakan oleh Negara Malaysia yang berjumlah 855 (jumlah keseluruhan 1501 entri telah dipersetujui):
- |            |   |            |
|------------|---|------------|
| 490 entri  | : | diterima   |
| 4 entri    | : | perluasan  |
| 1007 entri | : | digugurkan |

(iii) **Masalah**

Kelompok Biologi menghadapi sedikit masalah dalam penyediaan entri Biologi 10: Biometrik iaitu untuk menentukan pembatasan entri supaya benar-benar dapat dimanfaatkan oleh pemakai bidang ini. Entri yang dipilih nanti tidak akan bertumpang tindih dengan subbidang lain apabila dijadikan entri kamus. Kelompok Biologi mencadangkan supaya diadakan penyemakan semula pembahagian subbidang supaya benar-benar berseesuaian dengan bidang yang digarap. Hasil penyemakan ditukarkan dalam surat untuk dilaporkan dalam Sidang Ke-30 MABBIM.

**Fizik**

(i) **Cara Kerja**

- a. Meneliti dan menyemak semula laporan kelompok Khusus Fizik pada Sidang Ke-3 Pakar MABBIM dan Sidang Ke-29 MABBIM.
- b. Kelompok seterusnya meneliti daftar entri dan padanan bahasa Melayu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia bagi Mekanik Kuantum Lanjutan/ Mekanika Kuantum Nisbian.
- c. Kelompok juga meneliti daftar Mekanik Statistik/Mekanika Statistis dan Teori Kerelatifan Khusus/Teori Kenisbian Khusus yang disediakan oleh pihak Malaysia.
- d. Membincangkan rencana kerja selanjutnya berpandukan kepada Jadual Rencana Kerja yang telah dibuat dalam keputusan Umum Sidang Ke-27 MABBIM yang diadakan di Bandar Seri Begawan, pada 7-10 Mac 1988.
- e. Membincangkan masalah-masalah yang ditimbulkan sepanjang penelitian entri dan padanan.

(ii) **Hasil Kerja**

- a. Telah disedari bahawa tajuk Mekanik Kuantum Lanjutan tidak sama dengan Mekanika Kuantum Nisbian. Lanjutan ialah '*advance*' sedangkan Nisbian ialah '*Relativistic*'. Walau bagaimanapun Mekanik kuantum Nisbian/Kerelatifan adalah termasuk dalam Mekanik Kuantum Lanjutan (sebagai cabangnya). Oleh yang demikian kelompok mempersetujui menjadikan tajuk ini sebagai Mekanik Kuantum Lanjutan yang mengandungi Teori Kuantum Medan dan Mekanik Kuantum Kerelatifan/Nisbian.
- b. Jumlah istilah dan padanan yang diterima dan digugurkan adalah seperti berikut:

Jumlah daftar entri dan padanan	:	1402
Jumlah yang digugurkan	:	300
Jumlah yang diterima	:	1102

- c. Mekanik Statistik dan Teori Kerelatifan Khusus  
Mekanik Statistik

Jumlah entri sahaja	:	509
Jumlah yang digugurkan	:	25
Jumlah yang ditambah	:	6
Jumlah yang diterima	:	490

Teori Kerelatifan Khusus

Jumlah entri sahaja	:	98
Jumlah yang digugurkan	:	5
Jumlah yang ditambah	:	16
Jumlah yang diterima	:	109

Walaupun bagaimanapun kelompok bersetuju supaya semua pihak akan meneliti semula daftar entri yang dibincangkan dan seterusnya memberi padanan. Hasilnya akan dikirimkan ke semua pihak sebagai bahan pertukaran. Pihak Brunei Darussalam akan menggabungkan semua daftar entri berserta padananya untuk disepakati nanti dalam Sidang Ke-30 MABBIM.

(iii) **Masalah**

- a. Setelah berbincang dengan pakar bahasa, Kelompok Fizik bersetuju mengambil istilah berikut:

diagonal	-	pepenjuru
diagonalization	-	pemepenjuruan

Walaupun bagaimanapun kelompok Matematik telah mengambil *diagonalization* - pemepenjuruan dan Indonesia - diagonalisasi.

## Kimia

### (i) Cara Kerja

- a. Memilih entri Kimia 6 (Kimia Forensik) dan Kimia 7 (Imunokimia).
- b. Meneliti dan membincangkan padanan Kimia 5A (Kimia Pemakanan).
- c. Menyemak kembali laporan Sidang Ke-2 dan Sidang Ke-3 Pakar MABBIM dan Sidang Ke-26, 27, 28 dan 29 MABBIM, khusus kelompok Kimia untuk memastikan keputusan yang telah dibuat ada kesinambungannya.

### (ii) Hasil Kerja

- a. Sejumlah 1230 istilah berserta padanan Kimia 5A (Kimia Pemakanan) telah selesai diteliti seperti berikut:

Kategori A	:	888 entri
Kategori B	:	243 entri
Kategori C	:	21 entri
Kategori D	:	12 entri
Kategori E	:	66 entri
		<hr/>
Jumlah		1230 entri

- b. Sebanyak 991 entri Kimia Forensik telah diambil dengan mengambil catatan ada entri yang berulang.
- c. Sebanyak 853 entri Imunokimia telah diambil dengan mengambil catatan ada entri yang berulang.
- d. Persoalan mengenai Penyempurnaan Pedoman Tatanama dan Tataistilah Kimia:

Perbincangan mengenai pedoman tatanama (semak semula) yang dibincangkan oleh pihak Malaysia (kertas Prof. Madya Dr. Nordin Haji Lajis) telah dilakukan pada Sidang Ke-27 MABBIM. Pihak Indonesia bercadang untuk membawa pulang pedoman (semak semula) ini untuk disempurnakan lagi dengan input dari ketiga-tiga negara. Oleh kerana penyempurnaan panduan ini belum dapat dilakukan sehingga kini, panduan asal serta panduan semakan sahaja yang telah digunakan untuk menyelesaikan daftar Kimia 4 (Tatanama Kimia). Beberapa ketaksamaan yang terdapat dalam tatanama Indonesia-Malaysia-Brunei Darussalam dikekalkan sama ada sebagai keputusan akhir atau jika perlu diubah kemudian.

### (iii) Masalah

- a. Oleh sebab masa yang singkat kelompok Kimia tidak dapat menyelesaikan kerja seperti yang dirangkakan.

**Matematik****(i) Cara Kerja**

- a. Menyemak padanan senarai istilah Geometri II (lanjutan daripada hasil Sidang Ke-3 Pakar MABBIM) dan Geometri III dengan pengkategorian seperti berikut:

## 1. Geometri II (Bil. 148-634 = 486 entri)

Kategori A	:	163 entri
Kategori B	:	48 entri
Kategori C	:	195 entri
Kategori D	:	3 entri
Kategori E	:	41 entri
		<hr/>
Jumlah		486 entri
Tambahan		2 entri
		<hr/>
Jumlah keseluruhan		488 entri
		<hr/>

Senarai Geometri II yang sudah diputuskan iaitu dari bil. 1-147, setelah disemak semula, sebahagian daripadanya terdapat kesalahan dari segi ejaan, padanannya diubah, ada yang digugurkan dan ada yang ditangguhkan semula. Keputusannya seperti dalam Lampiran A.

## 2. Geometri III (Bil. 1-520 entri)

Kategori A	:	199 entri
Kategori B	:	56 entri
Kategori C	:	224 entri
Kategori D	:	2 entri
Kategori E	:	41 entri
		<hr/>
Jumlah		520 entri
Tambahan	:	2 entri
		<hr/>
Jumlah keseluruhan		522 entri
		<hr/>

## 3. Menyemak entri Algebra/Aljabar IV (Teori Graf Kombinatorik/Teori Nombor/Bilangan).

Teori Nombor/Bilangan

yang disepakati	:	248 entri
yang digugurkan	:	51 entri
		<hr/>
Jumlah	:	299 entri
		<hr/>

## PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

### Teori Graf

yang disepakati	:	334 entri
yang digugurkan	:	8 entri
Jumlah	:	<u>342 entri</u>

### Algebra Kombinatorik/Aljabar Kombinatorik

yang disepakati	:	87 entri
yang digugurkan	:	- entri
Jumlah	:	<u>87 entri</u>

### (iii) Masalah

- a. Disebabkan bahan yang tertanggung agak banyak Kelompok Matematik hanya berupaya membahas dan menyepakati padanan Geometri II & III dan entri Istilah Algebra/Aljabar IV. Subbidang Landasan Matematik I & II, Matematik Pengiraan II dan Penyelidikan Operasi masih belum sempat dibincangkan.

## Kewangan

### (i) Cara Kerja

- a. Menggabungkan entri Kewangan I dari tiga negara untuk menghindarkan pertindihan sumber istilah.
- b. Membahaskan istilah yang telah digabungkan dari tiga negara.
- c. Menyepakati entri induk Kewangan I (Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Perbankan) antara tiga negara.

### (ii) Hasil Kerja

- a. Kelompok meneliti sejumlah 3770 entri yang disediakan dan menyepakati untuk menerima sebanyak 1274 entri, menggugurkan sebanyak 2496 entri dan menerima 17 entri tambahan.
- b. Sebahagian besar dari entri yang digugurkan adalah Istilah Insurans iaitu sebanyak 1212 yang lain adalah Istilah Pelaburan dan Subbidang Kewangan lain.

### (iii) Masalah

- a. Bahan yang dibahaskan masih terpisah dari tiga sumber dari negara masing-masing sehingga kelompok menghadapi kesulitan dalam membahas entri. Di antara masalahnya terdapat entri yang bertumpang tindih.